



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

NADMA MENYELARAS PENGURUSAN PASCA BANJIR MONSUN TIMUR LAUT 2024/2025

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (NDCC) jam 4.00 petang, hanya 2 buah pusat pemindahan sementara (PPS) sahaja yang masih di buka di negeri Sarawak melibatkan daerah Miri dan Sibu dan tambahan satu PPS dibuka di Negeri Sembilan melibatkan daerah Jelevu dan satu PPS di daerah Temerloh, Pahang. Di Sarawak, terdapat 37 keluarga yang melibatkan 158 mangsa masih mendapat perlindungan di PPS manakala di Negeri Sembilan pula melibatkan 27 keluarga dan 84 mangsa. Di Pahang pula, melibatkan 11 keluarga dan 47 mangsa. Berbanding sewaktu puncak MTL 2024/2025 pada penghujung tahun lalu yang merekodkan lebih 200,000 mangsa yang terkesan banjir.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) telah memohon supaya NADMA menyelaras pergerakan pengurusan pasca bencana supaya aktiviti pemulihan dapat dilaksanakan dengan segera. Melalui Arahan NADMA No.1, semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah (JPBN/JPBD) yang terlibat perlu melaksanakan usaha dan aktiviti pembaikan kerosakan akibat banjir dengan segera bagi memastikan kebajikan mangsa sentiasa terpelihara. Usaha ini termasuklah menggerakkan sumber seperti aset dan jentera di peringkat daerah dan negeri serta menyelaras bantuan daripada agensi kerajaan yang lain, badan-badan korporat, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan dalam operasi bencana.

Di peringkat NADMA, selain memberikan Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar di PPS melalui JPBD, NADMA turut menjalinkan kolaborasi strategik dengan RAKAN NADMA iaitu badan-badan sukarelawan (NGO) yang berdaftar dengan NADMA. Sebagai rakan strategik, Rakan NADMA banyak terlibat dalam pengurusan dan penyelarasan sumbangan bantuan. Bagi melancarkan pergerakan penyaluran bantuan, NADMA membantu koordinasi di antara NGO Rakan NADMA dengan wakil JPBD/JPBN.

Sepanjang MTL 2024/2025 kali ini, sebanyak 650 tan barangan sumbangan bernilai RM35 juta berjaya diagihkan kepada mangsa yang terkesan banjir baik di Semenanjung Malaysia mahupun Sabah dan Sarawak. Antara bentuk barangan yang disumbangkan adalah kit keperluan diri, kit kebersihan, bantuan kewangan dan bantuan persekolahan. Jaringan kerjasama erat ini melibatkan JPBD, JPBN, Pejabat Residen, TUDM, GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN), Ihsan Johor, Sukarelawan

Anak Malaysia (SATRIA), Yayasan Foodbank Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan serta pelbagai NGO lain. Semua bantuan yang diterima ini dihantar secara berperingkat melalui pelbagai kaedah termasuklah penghantaran udara bagi keperluan ke Sabah dan Sarawak. Ini bagi memastikan barangan keperluan sampai kepada mangsa dengan segera. Penghantaran barangan sumbangan daripada pihak NGO yang terkini telah dibuat pada 15 Februari yang lalu melibatkan 8 tan makanan siap masak dalam pek (ready-to-eat food) dan 5,000 kit keperluan keluarga seberat 47 tan.

NADMA sangat menghargai kerjasama erat yang terjalin di antara Kerajaan Negeri, NGO, badan korporat serta para sukarelawan belia dalam menghulurkan bantuan pasca bencana kali ini. Koordinasi dan komunikasi yang berkesan ini memudahkan barangan untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana dengan segera dan teratur. Kerjasama seperti ini perlu diteruskan pada bila-bila masa.

NADMA menasihati orang awam agar sentiasa peka pada amaran cuaca semasa yang dikeluarkan oleh METMalaysia dan juga mematuhi arahan pihak berkuasa jika berlaku bencana di kawasan masing-masing bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku kerana musim MTL ini masih belum berakhir.

####

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara
20 Februari 2025